

Pemilikan Tanah Pertanian menurut Perspektif Maqasid Syariah

BITARAVolume 2, Issue 2, 2019: 061-073
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Agricultural Land Ownership According to the Maqasid Shariah Perspective]

Mohd Borhanuddin Zakaria,¹ Azli Fairuz Laki,¹ Nur Sakiinah Ab Aziz,¹
Abdul Qahhar Ibrahim¹ & Norsafuan Che Noh¹

Abstrak

Penggubalan Dasar Pertanian Negara 1984-2010, Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 merupakan satu transformasi Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti makanan negara. Namun begitu terdapat kelemahan dalam merealisasikannya untuk mencapai tahap sara mampu diri makanan negara sekurang-kurangnya 70%. Kajian ini bertujuan meneliti berkaitan tanah pertanian dan pemilikan menurut maqasid syariah. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan, data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen seperti laporan-laporan rasmi, surat pekeliling, laporan tahunan, laporan jabatan, rancangan kewangan, laporan agensi, dan transkrip. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *milkiyyah* harus ditekankan, memakmurkan tanah pertanian serta menekankan produk pemakanan yang halal dan bersih. Implikasi kajian ini mencadangkan pembangunan tanah pertanian perlu diutamakan ke atas agensi yang terlibat khusus seperti Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani harus diberi perhatian. Dasar Pertanian Negara, Dasar Agro Makanan Negara diharapkan dapat memainkan peranan dalam menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan petani selaras dengan pembangunan Islam secara syumul.

Kata Kunci

Pemilikan Tanah Pertanian, Maqasid Syariah

Abstract

The establishment of the National Agricultural Policy 1984-2010, the National Food Agro Policy 2011-2020 transformed the Government of Malaysia in order to improve the productivity and quality of national food products. However, there are drawbacks in making it possible to reach a national subsistence level of at least 70%. The aim of this study is to study agricultural land and land tenure in compliance with Maqasid Shariah (Shariah compliance). The methodology of this research used the content analysis study design, the data collected was analyzed using a combination of descriptive approach and qualitative approach, namely text analysis, including review of documents such as official reports, circulars, annual reports, departmental reports, financial plans, agency reports and transcripts. The results showed that the idea of *milkiyyah* (ownership) should be stressed, enriching agricultural land and promoting halal and healthy nutritional goods. The impacts of this study indicate that the production of agricultural land will be given priority to specialized agencies such as the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. The National Agricultural Policy and the National

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

Noorsafuan Che Noh, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my

Agro-Food Policy, are expected to play a role in promoting the growth of the agricultural sector and the advancement of farmers in line with Islamic development as a whole.

Kata Kunci

Pemilikan Tanah Pertanian, Maqasid Syariah

Cite This Article:

Mohd Borhanuddin Zakaria, Azli Fairuz Laki, Nur Sakiinah Ab Aziz, Abdul Qahhar Ibrahim & Norsafuan Che Noh. 2019. Pemilikan tanah pertanian menurut perspektif maqasid syariah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 061-073.

Pengenalan

Tanah pertanian jika diteliti dari segi potensinya untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil pertanian boleh dibincangkan di bawah tajuk pembukaan tanah baru, penggunaan tanah semasa serta kesesuaiannya dan tanah yang tidak digunakan sepenuhnya ataupun tanah terbiar (Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975; Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985). Mengenai pembukaan tanah baru untuk pertanian, Malaysia telah melaksanakan satu polisi yang agresif dalam pembukaan tanah baru untuk pertanian (Abu Bakar Mahmud 1986).

Contohnya pada tahun 1957, beberapa agensi telah ditubuhkan untuk memajukan tanah bagi tujuan-tujuan pertanian (Abdullah Yusuf 1979). Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dalam Rancangan Malaysia di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 (Land Ordinance 1956) pada 1 Julai 1956 Selaras dengan itu, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau Land (*Group Settlement Areas*) Act 1960 merupakan langkah penting dalam pembangunan sektor pertanian (Tunku Shamsul Bahrin et al t.th.).

Penubuhan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) bertujuan memajukan tanah pertanian (Nik Hasyim Mustafa & Zulkifly Osman 1989; Chamhuri Siwar & Suratman Kastin Hasan 2000, 2001; Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri 2000). RISDA Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah yang mengandungi Lembaga Perusahaan Getah (Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975) juga memajukan tanaman baru secara berkelompok (Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985).

Tanah Pertanian di bawah Akta Tanah Berkelompok 1960

Di bawah perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah meluluskan satu akta yang dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) atau *Land Act (Group Settlement Areas)* No. 13 Tahun 1960. Akta ini dibentangkan pada 27 April 1960 dan mula berkuat kuasa pada 30 Mei 1960 (Sulaiman Kadimi 2006).

Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 (Land Ordinance 1956) pada 1 Julai 1956. Selaras dengan itu, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, atau Land Group Settlement Areas Act 1960 telah

digubal di parlimen (Tunku Shamsul Bahrin et al. t.th.). Penubuhan FELDA mempunyai beberapa matlamat antaranya menyalurkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri, mengambil alih projek kerajaan negeri, membuka tanah-tanah baru dengan terancang dan memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah (Mohd Ridzuan Awang 1994; Zulkifli Mohamad 2008, 2012).

Semenjak diwujudkan, FELDA telah banyak berjasa kepada negara terutamanya dalam soal memajukan taraf hidup para petani. Semua tanah FELDA tertakluk kepada Akta Tanah 1960 yang membenarkan dua orang penama didaftarkan bagi setiap lot tanah rancangan. Namun, hak milik tanah yang diserahkan kepada peneroka FELDA tidak bersifat mutlak. Ini kerana terdapat sekatan yang perlu dipatuhi (Zulkifli Mohamad 2008). Berdasarkan seksyen 14, 15, dan 17 Akta Tanah Berkelompok 1960, peneroka tidak boleh secara bebas membuat urusan niaga ke atas tanah tersebut seperti menjual, mencagar atau pindah milik sewenang-wenangnya. Walaupun surat hak milik tanah FELDA diperoleh (Tunku Shamsul Bahrin et al. t.th.). Surat hak milik tanah tersebut mengandungi pernyataan sekatan kepentingan yang menyatakan bahawa segala urusan niaga ke atas tanah yang diberi hak milik hanya dapat dilakukan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN) (Zulkifli Mohamad 2012). Syarat khas tersebut ialah syarat nyata yang terkandung dalam surat hak milik seperti mana berikut: "Tanah ini mestilah ditadbir oleh Lembaga Tanah Persekutuan (LTN) sebuah Badan Berkanun (BB) yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Kemajuan Tanah".

Seperti termaktub dalam Akta ini, beberapa sekatan dimasukkan bertujuan untuk menjamin pembangunan tanah pertanian dilaksanakan secara berterusan dengan pengeluaran hasil yang maksimum yang memberi keuntungan kepada peneroka. Antara sekatan itu ialah:

Seksyen 14 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak membenarkan Pegangan Luar Bandar dikeluarkan kepada lebih 2 orang pemegang yang dikira sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama. Seksyen 15 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 kawasan Pegangan Desa tidak boleh bila-bila masa dibelah bagi (*subdivided or partitioned*). Seksyen ini tidak membenarkan pegangan desa dipajak (*leased*) sebahagian atau kesemua.

Seksyen 17 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menghadkan penggunaan kawasan pegangan luar bandar hanya untuk tanaman tertentu sahaja yang dipersetujui dalam perjanjian antara kerajaan Negeri/Agensi pelaksana. Kawasan ini tidak boleh digunakan selain daripada tujuan tersebut. FELDA mensyaratkan bahawa (Zulkifli Mohamad 2012):

- a. Tanah di rancangan mestilah dipindah milik kepada 2 orang individu sahaja;
- b. Pemilikan bersama tidak dibenarkan bagi lot rumah dan tanah pertanian, tetapi jika tanah tersebut perlu dimajukan secara kumpulan berdasarkan kepada prinsip kerjasama seperti tanaman kelapa sawit, maka pemilikan bersama adalah dibenarkan dan pendapatan yang diperolehi daripada hasilnya mestilah dibahagikan berdasarkan luas tanah seseorang peneroka;
- c. Tanah tidak boleh digadai atau disewakan sama ada sebahagian daripadanya atau seluruhnya (Zulkifli Mohamad 2008);

- d. Tanah tidak boleh dijual;
- e. Amalan tradisional dan hukum Islam mengenai mewariskan harta yang menyebabkan pemecahan tanah tidak dibenarkan;
- f. Hak milik tanah akan diambil balik oleh FELDA jika peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi oleh peneroka setelah diberi notis;
- g. Mana-mana peneroka yang tidak berpuas hati dengan keputusan FELDA dan pegawai-pegawainya dalam menjalankan peraturan-peraturan ini bolehlah membuat rayuan kepada kementerian yang bertanggungjawab mengenai FELDA (Sulong Mohamad 1985).

Pemilikan Tanah Pertanian

Timbul beberapa persoalan berkaitan hak milik tanah pertanian. Pertama, dengan syarat yang begitu ketat, apakah status sebenar pemilikan tanah pertanian FELDA? Kedua, adakah peruntukan-peruntukan sekatan melalui seksyen-seksyen tersebut selari dengan konsep pemilikan harta di dalam Islam dan roh syariat itu sendiri?

Jika dilihat kembali kepada perbincangan hak milik harta di dalam Islam ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu milik sempurna dan milik tidak sempurna (al-Maslah t.th.). Milik sempurna adalah memiliki dua perkara iaitu ‘*ayn* harta dan manfaat harta. Milik tidak sempurna pula adalah memiliki salah daripada dua perkara ini. Sama ada memiliki ‘*ayn* harta sahaja dan dalam masa yang sama ia tidak memiliki manfaat harta tersebut (al-Khafif t.th.; Sabir 1999; Mutawalli, Shahanah et al. 1983). Atau ia hanya memiliki manfaat dari harta tersebut sahaja, dan dalam masa yang sama ia tidak memiliki ‘*ayn* harta berkenaan (al-Shirazi 1996).

Sekatan yang menghadkan hanya dua penama boleh didaftarkan pada surat milikan, larangan pecah sempadan dan hanya jenis-jenis tanaman tertentu sahaja boleh ditanam, bermakna peneroka tidak mempunyai kebebasan mutlak terhadap tanahnya. Kerajaan negeri masih lagi merupakan pemilik hakiki selaku pihak yang berkuasa untuk menentukan bagaimana tanah tersebut harus dibangunkan. Urusan pembangunan ini diserahkan kepada agensi pelaksana iaitu FELDA (Zulkifli Mohamad 2008, 2012).

Sebagaimana dibentangkan, peruntukan-peruntukan dalam Akta Tanah 1960, Surat Perjanjian Antara Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) dan Peneroka (sama ada rancangan sawit mahupun getah) dan Perjanjian Tanam Semula ia lebih memihak kepada Kerajaan Negeri di mana tanah rancangan tersebut terletak. Peneroka diikat dengan begitu rapi oleh Akta Tanah 1960, Surat Perjanjian masuk FELDA serta Perjanjian Tanam Semula.

Mengenai dasar atau teori pemilikan tanah di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Peruntukan-peruntukan yang lebih memihak kepada Kerajaan Negeri perlu ditimbangtara dengan dasar atau teori pemilikan harta yang telah digariskan oleh para fuqaha’. Langkah ini bertujuan untuk menghasilkan satu dasar atau teori yang boleh dijadikan rujukan untuk menyelesaikan isu-isu pusaka dan harta sepencarian tanah rancangan di bawah Akta Tanah 1960 yang terdapat di seluruh negara (Zulkifli Mohamad 2008, 2012).

Sekatan terhadap hak milik tanah bukanlah sesuatu yang baru di dalam undang-undang tanah Islam. Sekatan-sekatan ini atau pemilikan bersyarat telah dikuatkuasakan terhadap

pemilik tanah kharaj di Mesir (Mallat 1993) dan tanah *al-'amiriyyah* oleh Kerajaan 'Uthmaniyyah Turki (Mundy & Smith 2003).

Justeru, sebelum memperkatakan dengan lebih lanjut mengenai teori pemilikan tanah pertanian seperti FELDA dan agensi pembangunan yang lain, Kanun Tanah Kerajaan 'Uthmaniyyah 1274H perlu dirujuk (Debs 1963; Siraj & Lim 2006). Kanun Tanah Kerajaan 'Uthmaniyyah 1274H (KTNU) sangat berpengaruh dan ia pernah diadaptasikan sebagai undang-undang tanah di beberapa buah negara Islam seperti Jordan, Syria dan Mesir (Sait, S., & Hillary Lim, H 2006). Dalam masa yang sama, beberapa ciri sekatan terhadap pemilikan tanah telah dikuatkuasakan. KTNU mengkategorikan tanah kepada lima bahagian iaitu (1) tanah yang dimiliki, (2) tanah *al-'amiriyyah* atau tanah kerajaan, juga disebut dengan istilah tanah *miri* (3) tanah wakaf, (4) tanah yang ditinggal untuk kegunaan orang ramai (5) tanah *al-mawat* (Debs 1963).

Hanya jenis kedua dan kelima mempunyai kaitan dengan bentuk pemilikan tanah FELDA. Manakala, elemen-elemen sekatan tanah *al-'amiriyyah* dan tanah *kharaj* (Yahya Ibn Adam t.th.; Abu Yusuf 1382H; Ibn Rajab t.th.) mempunyai persamaan walaupun tidak seratus peratus dengan sekatan-sekatan Akta Tanah 1960 antara lainnya ialah untuk memastikan tanah-tanah berkenaan terus dimajukan oleh peneroka. Justeru, Abu al-Su'ud, Mufti Besar Kerajaan 'Uthmaniyyah (Joseph 1998) pada pertengahan abad ke 16 pernah mengeluarkan fatwa bahawa tanah *kharaj* boleh diwarisi menerusi keturunan lelaki supaya tanah terus diusahakan. Kuatkuasa bagi menghadkan hanya 'dua nama' dalam Akta Tanah 1960 juga bertujuan supaya tiada pertelingkahan di kalangan waris dan tanah tersebut dapat dimajukan tanpa sebarang masalah.

Manakala, tanah *al-'amiriyyah* ialah tanah yang *diraqabahkan* atau dipegang oleh *baitulmal*, manakala urusan kebenaran penggunaan dikeluarkan oleh negara melalui *baitulmal* berdasarkan syarat-syarat yang tertentu (al-'Abbadi 2000). Antara ciri tanah yang boleh dikategorikan sebagai tanah *al-'amiriyyah*, ialah tanah tersebut berasal dari tanah *al-mawat* yang diusahakan oleh peneroka dengan keizinan kerajaan dan *raqabah*nya tetap dimiliki oleh *Baitulmal*.

Abu al-Su'ud menegaskan, tanah *al-'amiriyyah* ini *diraqabahkan* oleh *baitulmal*, rakyat mengusahakannya di atas prinsip pinjaman. Justeru, mereka tidak mempunyai hak *raqabah*, tidak berhak untuk menjualnya, mewakafkannya, menggadaikannya dan tidak boleh diwarisi selagi mana kerajaan tidak memberi milik kepada sesiapa. al-'Abbadi (2000) memetik dari manuskrip *al-Nur al-Badl* memerihalkan situasi ini: "Sesungguhnya tanah-tanah sekarang yang diusahakan oleh para petani bukanlah milik mereka". Mereka merupakan pengusaha sahaja kerana ketiadaan hak milik. Sebagaimana kata al-Kamal ibn al-Humam: "Dan tidak ada bagi mereka pada tanah yang diusahakan melainkan hak bertanam, iaitu sekadar mendapat manfaat seperti menumpang di rumah yang diwakafkan oleh pemiliknya".

Hukum sama turut dikanunkan dalam Seksyen 8, Qanun *al-Tasaruf fi al-Amwal Ghayr al-Manqulah* 1331H. Peruntukan Seksyen 8 ini diadaptasikan di Jordan melalui Seksyen 9 dan menyatakan: "sesungguhnya tidak harus pihak yang mengusahakan tanah *al-'amiriyyah* untuk mewakafkan atau mewasiatkan tanah tersebut, selagi mana tidak mendapatkan hak milik daripada kerajaan".

Undang-undang tanah 'Uthmaniyyah ini juga berkuat kuasa di Syria sehingga tahun 1930. Undang-undang ini terpakai sehingga kedatangan penjajah Perancis. Penjajah Perancis telah

menggantikan undang-undang tanah ‘Uthmaniyyah apabila mereka memperkenalkan undang-undang nombor 3339. Pada tahun 1949, Kerajaan Syria memperkenalkan Undang-undang Sivil Syria (1949). Beberapa perubahan radikal terhadap undang-undang tanah telah diperkenalkan antaranya membatalkan *haqq al-shuf‘ah*.

Undang-undang Sivil Syria mengkategorikan tanah kepada lima bahagian, salah satu daripadanya adalah tanah *al-‘amiriyyah*. Antara elemen tanah *al-‘amiriyyah* ini ialah terletak di luar bandar atau di kampung-kampung dan digunakan untuk tujuan pertanian. Pemilik tanah ini dinamakan *sahib haqq tasarruf*. Seksyen 85 menghuraikan ciri-ciri *sahib haqq tasarruf* tanah *al-‘amiriyyah* berbeza dengan tanah yang diberi hak milik iaitu *sahib haqq tasarruf* tidak boleh mewakafkan tanah tersebut kerana ketiadaan hak milik yang sah *sahib haqq tasarruf* terbatal apabila tanah tersebut ditinggalkan dan tidak diusahakan selama tempoh lima tahun berturut-turut.

Konsep tanah *al-‘amiriyyah* juga terdapat di Mesir. Konsep tanah *al-‘amiriyyah* di Mesir telah mengalami perubahan besar sehingga *sahib haqq tasarruf* boleh memilikinya setelah diperkenalkan *al-Qawanin al-Mukhtalifah* tahun 1813M. Undang-undang Sivil Mesir 1948 menyatakan:

- a. Tanah yang tidak diusahakan dan tidak termilik adalah milik negara,
- b. Tidak harus memiliki atau mengusahakan tanah ini melainkan setelah mendapat kebenaran kerajaan,
- c. Melainkan apabila salah seorang rakyat Mesir mengusahakan tanah ini dengan bercucuk tanam, atau membuat suatu binaan di atasnya, maka ia menjadi pemilik ke atas bahagian yang diusahakannya itu. Pemilikan ini akan terbatal apabila tanah tersebut tidak diusahakan selama lima tahun berturut-turut.

Berpandukan kepada peruntukan Kanun Tanah Kerajaan ‘Uthmaniyyah 1274H dan setelah dibuat penelitian dengan merujuk kepada dasar atau teori pemilikan harta yang telah digariskan oleh para fuqaha. Dirumuskan bagi persoalan pertama, bahawa dasar atau teori pemilikan tanah FELDA adalah berbeza dengan pemilikan tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN). Bentuk pemilikan tanah FELDA ini mempunyai persamaan dengan tanah *al-‘amiriyyah* yang diamalkan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah dan beberapa buah negara Islam (al-Abbadi 2000).

Persoalan yang kedua, iaitu sekatan-sekatan hak milik dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dari perspektif Islam. Kerajaan Negeri apabila menyerahkan satu-satu kawasan untuk dimajukan oleh FELDA telah pun mempunyai perancangan yang teratur dan matlamat yang tertentu. Sekatan-sekatan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk menjayakan matlamat pembukaan tanah ladang yang berskala besar demi untuk membasmi kemiskinan dari kalangan rakyat dan dalam masa yang sama memajukan ekonomi negara (Zulkifli Mohamad 2012).

Sekatan-sekatan transaksi yang dikenakan terhadap pemilik tanah *al-‘amiriyyah* mempunyai persamaan dengan sekatan dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Pemilik kedua-dua jenis tanah ini tidak mempunyai kebebasan mutlak. Justeru, pemilikan tanah FELDA adalah merupakan pemilikan manfaat sahaja bukannya

pemilikan sempurna (*milk al-tam*). Dalam hal ini, Jasni Sulong (2000) menamakan ia sebagai 'terhad'.

Dasar semasa Kerajaan terhadap pemilikan tanah di bawah Kanun Tanah Negara KTN 1965 dan Enakmen Tanah Simpanan Melayu perlu dikaji sebagai perbandingan. Mengikut dasar pemerintahan semasa, pemberian milik tanah yang diamalkan ialah pemberian milik bertempoh sahaja, iaitu bagi satu jangka masa yang tidak melebihi 99 tahun. Pemberian milik kekal selama-lamanya tidak lagi diamalkan semenjak Akta Pindaan 587 diluluskan, yang berkuat kuasa pada 25 Mac 1985. Sebelum tarikh tersebut, Pihak Berkuasa Negeri PBN bebas untuk memberi milik secara milik kekal kepada setiap individu atau perbadanan. Dasar yang sama iaitu pajakan selama 99 tahun turut dikenakan kepada pemilik FELDA.

Walau bagaimanapun, dasar pajakan Akta Tanah 1960 dengan pajakan Kanun Tanah Negara 1965 tidak sama, kerana pajakan 99 tahun di bawah Kanun Tanah Negara KTN 1965 tidak menghalang tuan tanah untuk melakukan transaksi penjualan tanah miliknya kepada pembeli. Begitu juga cadangan penambahbaikan Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan untuk menghadkan pemilikan tanah pertanian seluas setengah ekar kepada seorang pemilik tidak bertentangan dengan syarak dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 13-14 April 1982 (Kertas kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam kali ke-38) turut memperakui dasar ini Jawatankuasa Fatwa yang telah bersidang itu telah mengambil ingatan bahawa:

- a. Pembahagian Harta Pusaka yang bercorak tanah, yang tidak dapat diselesaikan secara hak milik, maka pihak berkuasa bolehlah menyelesaikan dengan apa cara juga yang sesuai dan munasabah mengikut hukum syarak;
- b. Di dalam Islam pembahagian harta pusaka merupakan syer/saham dan sekiranya tidak mendatangkan faedah, pemerintah bolehlah menggunakan kuasanya dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut tanpa mendapat persetujuan dari semua waris.

Sungguhpun fatwa yang diberikan itu adalah berhubung dengan cadangan meminda undang-undang menghadkan perkongsian milik yang ramai ke atas tanah pertanian, akan tetapi satu perkara penting telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut iaitu pembahagian harta tidak semestinya bercorak tanah dan pembahagian itu boleh diberikan mengikut nilai syer masing-masing waris sebagaimana yang difaraidkan (Wan Abdul Halim Wan Harun 2011). Pemilikan tanah-tanah ini masih dianggap sempurna. Kontrak sah laku pemilikan aset tersebut akan luput bila luputnya keizinan pemilikan seperti yang tercatat pada suratan hak milik (Muhammad Daud Bakar 1997).

Kerajaan juga mempunyai dasar yang khusus untuk menjaga kepentingan orang-orang Melayu terhadap tanah. Melalui dasar ini, Enakmen Tanah Simpanan Melayu 1913 telah gubal. Tanah Simpanan Melayu merujuk kepada satu kategori pemilikan tanah yang dikhaskan hanya untuk orang Melayu (Arsyad Ayub et. al 1983). Orang bukan Melayu, walaupun warganegara Malaysia sendiri tidak boleh memiliki tanah rizab Melayu. Mereka juga tidak dibenarkan berurus niaga dengan orang Melayu melibatkan tanah sedemikian.

Pihak Berkuasa Negeri PBN, yang mempunyai kuasa yang luas di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara KTN 1965 untuk melupuskan tanah Kerajaan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki olehnya, juga ditegah oleh undang-undang untuk melupuskan tanah rizab Melayu

kepada orang, syarikat atau pertubuhan yang dianggap oleh undang-undang sebagai bukan Melayu. Sekatan ini masih lagi memberi ruang kepada pemilik tanah rizab Melayu untuk membuat transaksi perniagaan kepada sesama Melayu. Ia masih lagi dikategorikan sebagai milik sempurna.

Sekatan yang dikanunkan oleh Akta Tanah 1960 nyata berbeza sama sekali dengan sekatan yang dikanunkan oleh Kanun Tanah Negara KTN 1965 dan Enakmen Tanah Rizab Melayu. Sekatan-sekatan ini tidak menghalang daripada tersebut diurusniagakan. Manakala, tanah FELDA secara nyata seperti yang diperuntukkan oleh Akta tidak boleh dipecah sempadan, dipindah milik, dipajak atau digadai tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri PBN.

Selain daripada itu, walaupun peneroka telah diberi hakmilik dengan pemberian geran tanah secara individu, seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menyatakan secara jelas kuasa Kerajaan Negeri. Akta memperuntukkan, bahawa hanya Kerajaan Negeri melalui perundingan dengan Menteri boleh mewartakan pembatalan keseluruhan atau mana-mana bahagian Kawasan Penempatan beramai-ramai tidak lagi tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Ini menunjukkan bahawa tanah berkenaan masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri.

Persoalan yang kedua, iaitu sekatan-sekatan hakmilik dalam Akta Tanah 1960 dari perspektif Islam. Kerajaan Negeri apabila menyerahkan satu-satu kawasan untuk dimajukan FELDA telahpun mempunyai perancangan yang teratur dan matlamat yang tertentu. Sekatan-sekatan yang dikenakan adalah bertujuan untuk menjayakan matlamat pembukaan tanah ladang yang berskala besar demi untuk membasmi kemiskinan dari kalangan rakyat dalam masa yang sama memajukan ekonomi negara. Jika sekatan ini tidak dikuatkuasakan ia mungkin akan menggagalkan pelan pembangunan kerajaan. Sekatan ini tidak bermaksud menzalimi para peneroka, tetapi ia adalah untuk kebaikan bersama antara peneroka mahupun kerajaan (Sulong Mohamad 1985).

Berdasarkan kepada dasar maqasid syariah pihak kerajaan berhak menggubal undang-undang demi untuk masalah (kebaikan) rakyat. Para ulama usul antaranya Imam al-Ghazali (1996), al-[°]Izz ibn [°]Abd al-Salam (2000), al-Tuff dan sebagainya telah memberikan pelbagai penakrifan tentang masalah (Mustafa Zayd 1964). Dr Sa[°]id Ramadhan al-Buti telah merumuskan takrifan-takrifan berikut sebagai suatu manfaat yang dikehendaki oleh Allah SWT kepada para hambaNya melalui pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda (al-Suyuti 1998). Masalah juga boleh diertikan sebagai suatu keseronokan ataupun cara untuk mencapai keseronokan tersebut dan menjauhi kesengsaraan ataupun cara untuk menjauhi kesengsaraan tersebut (Sa[°]id Ramadhan al-Buti 1986).

Masalah dari perspektif syarak terbahagi kepada tiga bahagian (Muhammad Yasin al-Fadan 1991):

- a. *Masalah mu[°]tabarah* iaitu masalah yang diperakui oleh syarak kerana kewujudannya sabit melalui nas dan ijmak, seperti hukum hakam yang disyariatkan bagi memelihara maksud dan matlamat *tasyri[°]* yang lima, iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.
- b. *Masalah mulgha*, iaitu masalah yang bertentangan dengan nas atau ijmak. Masalah ini tidak diperakui oleh syarak dan dianggap batil ([°]Abd al-Karim Zaydan 1987),

misalnya menyamakan bahagian perempuan dengan anak lelaki dalam pembahagian pusaka dengan alasan masalah kaum wanita. Perkara ini bertentangan dengan nas al-Qur'an iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, "Allah SWT mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian harta pusaka untuk) anak-kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan".

- c. *Maslahah mursalah*, iaitu masalah yang tiada kepastian syarak tentang hukumnya. Masalah ini dapat memberikan manfaat atau mengelakkan kerosakan, misalnya usaha 'Uthman ibn 'Affan mengumpulkan al-Qur'an dalam satu mushaf. Undang-undang yang berprinsipkan masalah perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut (al-Zarqa' 1998):
- Pertama: Undang-undang yang digubal tersebut memberikan kebaikan kepada umum dan bukannya kepada segelintir masyarakat;
- Kedua: Kebaikan yang terhasil daripada undang-undang tersebut boleh dilihat dan dirasai, bukannya sekadar ilusi;
- Ketiga: Undang-undang tersebut tidak bercanggah dengan nas-nas syarak.

Berhubung dengan *dabit* masalah Sa'id Ramadhan al-Buti (1986) menambah dua lagi prinsip iaitu tidak bercanggah dengan *qiyas* dan tidak membatalkan masalah yang lebih besar. Penggubalan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 berteraskan prinsip masalah iaitu untuk membasmi kemiskinan dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor perladangan. Kerana tanpa adanya sekatan-sekatan ini ia boleh menggagalkan hasrat dan rancangan kerajaan. Tindakan kerajaan ini disokong oleh kaedah *fiqhiyyah* (Muhammad Yasin al-Fadan 1991):

التصرف الإمام علي الرعية منوط بالمصلحة

Bermaksud: Tindak tanduk pemerintahan terhadap rakyat terikat dengan masalah.

Ini bermakna dalam konteks ini tanah pertanian yang mereka usahakan itu adalah merupakan pemberian dari Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang mana LKTN adalah merupakan wakil pemerintah. Mereka mengusahakan tanah tersebut adalah dengan kebenaran dari pihak LKTN untuk berbuat demikian dan seterusnya dibenarkan untuk memilikinya. Konsep pemberian tanah oleh LKTN ini adalah sama dengan konsep *iqta'*. Pemberian tanah oleh LKTN kepada peneroka adalah merupakan *iqta' tamlik* dan bukannya *iqta' istighlal* di mana orang yang menerima *iqta'* tadi mendapat hakmilik ke atas tanah yang berkenaan (al-Zuhayli 1996). Berhubung dengan *iqta' tamlik* para fuqaha' telah mempunyai pendapat yang sama mengenai hukumnya yang mana ianya adalah diharuskan dengan tujuan untuk mengihsan (Ibn 'Abidin 1389).

Dengan terdapatnya *settlement* atau penempatan, khasnya penempatan yang kekal seperti mana yang dijalankan oleh LKTN ini, sudah tentunya tidak boleh dipisahkan dengan pemilikan tanah. Selain dari itu, pihak LKTN sendiri dengan jelas telah menyatakan bahawa pihaknya menjanjikan pemilikan tanah kepada setiap peneroka-peneroka yang telah mengusaha tanah-tanah yang diberikan. Adalah didapati apa yang dilakukan di rancangan-rancangan Kemajuan Tanah LKTN adalah berbeza sekali dengan apa yang dilakukan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain. Ini adalah kerana apa yang dilakukan oleh LKTN adalah merupakan 'self-help'

iaitu pembangunan dengan menggunakan tenaga peneroka sendiri dengan maksimum serta perbelanjaan yang minimum (Nik Mohd Zain Nik Yusuf 1991).

Manakala, sistem yang dijalankan oleh agensi pembangunan tanah yang lain adalah dengan bantuan penuh khasnya seperti mana yang dilakukan oleh FELDA bagi sistem saham yang tidak menawarkan pemilikan secara khusus, yang mana penerokanya hanya mempunyai saham di atas tanah yang tertentu (Sistem Saham di Rancangan FELDA 1984). Selain dari itu projek percubaan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (IPGM), juga tidak menawarkan pemilikan tanah (Arifin Mohd Nor & James Nayagam 1982). Ianya telah diberitahu kepada peneroka semenjak permulaan rancangan rapi.

Tanah-tanah yang dilupuskan kepada peneroka itu adalah merupakan tanah "*mawat*". Apa yang dimaksudkan dengan tanah *mawat* itu ialah tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa pun. Ianya bukan tanah wakaf, bukan kawasan rumput, bukan tempat orang ramai mencari kayu api, bukan tanah perkuburan letaknya jauh dari kawasan pembangunan. Maksudnya ialah tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa pun sama ada orang perseorangan mahupun orang ramai (Asyad Ayub et. al 1983). Tanah-tanah yang *diiqta*^ckan kepada peneroka itu adalah tergolong di dalam tanah *mawat* adalah berdasarkan kepada perkara-perkara yang berikut: (a) Tanah-tanah berkenaan bukanlah dimiliki sama ada oleh orang perseorangan mahupun orang ramai (b) Tanah-tanah berkenaan bukannya merupakan tempat kemudahan orang ramai seperti ladang rumput, padang permainan dan sebagainya (c) Tanah-tanah berkenaan bukan tanah rizab kerajaan bagi tujuan atau pembangunan tertentu (d) Tanah-tanah berkenaan merupakan tanah terbiar yang tidak diusahakan (Ahmad Hasan 1999).

Keluasan yang berjumlah 3.3 hektar tanah yang *diiqta*^ckan kepada peneroka itu adalah merupakan keluasan yang optima. Ini adalah kerana ianya tidak melebihi daripada had keupayaan seseorang itu untuk mengusahakannya. Selain dari itu, jumlah keluasan tersebut telah dapat memberikan pendapatan yang ekonomi jika ianya diusahakan mengikut teknologi-teknologi yang telah disyorkan oleh pihak Institut Penyelidikan Getah Malaysia (IPGM). Dengan demikian, tidaklah berlaku perkara-perkara yang boleh mencacatkan perekonomian dari segi pembahagian tanah seperti tanah terbiar, penguasaan ke atas tanah dengan keluasan yang berlebihan dan lain-lain lagi (Chamhuri Siwar 1978).

Dalam masalah pusaka, sebenarnya dalam FELDA sistem warisannya adalah tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955. Walau bagaimanapun, Seksyen 14 Akta Tanah tersebut itu hendaklah diikuti di mana tanah-tanah itu tidak boleh bahagi atau hanya diturun milik kepada ahli keluarga sahaja.

Seksyen 16 Kanun Tanah Negara 1965 itu jelas bertentangan dengan sistem pusaka Islam, kerana mengikut hukum faraid, setiap ahli waris adalah sama-sama berhak terhadap harta benda dan hak yang berkaitan dengan benda yang diperolehi oleh seseorang si mati kecuali ada halangan *syar'ie* yang tertentu. Persoalan sama ada hendaklah dibahagi atau dipecah-pecahkan adalah merupakan persoalan lain, tetapi yang penting dalam sistem faraid Islam ialah habuan dan hak setiap ahli waris itu tidak boleh sama sekali ditepikan, sekalipun ahli waris itu masih kecil. Sehubungan dengan seksyen 16 Kanun Tanah Negara 1965 ini, sebenarnya masih ada pihak-pihak tertentu yang menganggap bahawa peruntukan ia tidak bercanggah dengan hukum Syarak. Pada hakikatnya, sistem faraid Islam menerima konsep pembahagian harta pusaka

secara tidak dipecah-pecahkan bentuk fizikal harta itu, tetapi penafian habuan ahli-ahli waris yang berhak ke atas sesuatu harta pusaka itu adalah bercanggah dengan sistem faraid Islam.

Umpamanya semasa bicara kuasa diadakan ahli-ahli waris yang berumur 18 tahun ke bawah tidak dipanggil hadir sedangkan mereka ahli-ahli waris yang sah dari segi hukum faraid di mana mereka sama-sama berhak ke atas pusaka si mati itu (Nik Mohd Zain Nik Yusuf 1991). Ringkasan langkah-langkah yang diambil oleh FELDA apabila berlaku sesuatu kematian peneroka di rancangannya adalah seperti berikut (Arsyad Ayub et. al 1983):

- a. Pengurus Rancangan melaporkan kematian kepada Pengarah Jabatan Ukur, Tanah dan Penempatan (di Ibu Pejabat FELDA dengan menggunakan borang tertentu);
- b. Pengurus menjemput semua waris simati yang berumur lebih daripada 18 tahun yang difikirkan berhak menuntut hakmilik si mati;
- c. Pengurus mengadakan bicarakuasa di Pejabat Rancangannya atau di Balai Raya. Dalam pembicaraan itu : Pentadbiran FELDA diwakili oleh Pengurus atau Pegawai Pengajar, seorang Penyelia dan seorang Kerani;
- d. Semua waris dikehendaki mengangkat sumpah;
- e. Pengurus menerangkan kepada waris-waris mengenai kedudukan tanah pegangan simati dari segi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan bahawa tanah itu dianggap sebagai “Harta Sepencarian” suami dan isteri;
- f. Waris-waris perlu mencapai persetujuan mengenai seorang pengganti kepada si mati untuk terus memiliki tanah pegangan itu;
- g. Persetujuan melantik pengganti ditandatangani di dalam borang yang dikhaskan (Muhammad Daud Bakar 1997; Wan Abdul Halim Wan Harun 2011).
- h. Apabila tercapai persetujuan untuk melantik pengganti, Pengurus menyediakan “Perintah Pengurus Mengenai Pengganti Kepada Simati”;
- i. Sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai diantara waris-waris, Pengurus boleh menangguhkan pembicaraan untuk memberi peluang kepada waris-waris simati bagi membuat perundingan;
- j. Jika penyelesaian tidak boleh dicapai, Pengurus akan melaporkan ke Ibu Pejabat FELDA (iaitu kepada Pengarah Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka) untuk pertimbangan dan arahan selanjutnya. Pengurus akan melantik pengganti sebagaimana yang diputuskan oleh Ibu Pejabat.
- k. Kemudian nama pengganti akan didaftarkan dalam Daftar Pegangan peninggalan simati.

Dalam masalah perceraian pula, FELDA telah menetapkan bahawa:

- a. Apabila berlaku perceraian seseorang bekas isteri yang telah bersama-sama menjayakan tanah rancangan sehingga tanah itu mengeluarkan hasil adalah berhak menerima sebahagian hasil atau pendapatan bersih daripada tanah itu, dan;
- b. Bahagian hak bekas isteri itu adalah dikira berasaskan dasar tanah (lot atau saham) yang diusahakan bersama sehingga ke peringkat penghasilan adalah sebenarnya “harta sepencarian” di mana isteri bersama-sama berhak atas hasil atau pendapatan bersih daripada tanah itu.

Dengan itu, nyata kedudukannya bahawa semua isteri yang telah memasuki rancangan bersama suami mereka dan telah bercerai selepas ladang mengeluarkan hasil adalah berhak mendapat sebahagian daripada hasilnya tidak kira sama ada:

- a. penceraian itu berlaku disebabkan kesalahan suami atau isteri, dan
- b. sama ada isteri berkahwin semula ataupun masih janda. Sebenarnya, FELDA telah menetapkan dan mengamalkan prinsip mengenai harta sepencarian, yang membenarkan janda membuat tuntutan untuk sejumlah wang yang tertentu apabila berlaku perceraian seperti yang terdapat dalam kes-kes yang telah diputuskan terdahulu yang mana semuanya menerima konsep harta sepencarian bersama dari usaha suami isteri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menumpukan terhadap pembangunan tanah pertanian, pemilikan serta Dasar Pertanian Negara (DPN) 1984-2010. Ianya adalah seiring pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 hingga Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 bagi memastikan objektif dan strategi pembangunan pertanian terus sesuai relevan dan berkesan sejajar dengan keperluan negara. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa pembangunan tanah pertanian termasuk yang berkaitan hak milik tanah pertanian (Akta Tanah Berkelompok 1960).

Rujukan

- al-Abadi, 'Abd al-Salam. 1974M-1394H. *al-Milkiyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Thabiat wa Wazifatuha wa Quyuduha Dirasah Muqaranah bi al-Qawanin wa al-Nuzum al-Wadiah*. Cet. 1. Jil. 1. Amman: Maktabat al-Aqsa.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1986. *al-Madkhal li al-Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1994. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Cet. 1. Iraq Baghdad: Dar al-Tawzi' wa al-Tasyri' al-Islamiyy.
- Bakar Kasim. 2004. *Mengenal Pasti Sebab Kelewatan Kelulusan Proses Pra Pembangunan Tanah dan Cara Mengatasinya*. Johor: Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah UTM
- Anon. 1973. *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)*. Kuala Lumpur: Cetakan Mohd Daud Abd. Rahman.
- Anon. 1979. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)*. 1979. Kuala Lumpur: Cetakan Ibrahim bin Johari.
- Anon. 1979. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Malaysia.
- Arifin Mohd Nor & James Nayagam. 1982. *RRIM Economic Laboratory-A seven Years Experience*. Kuala Lumpur: Rubber Research Institute of Malaysia.

- Arsyad Ayub, Nik Mohd Zain Yusuf & Mohd Helmi Husin. 1983. Harta perolehan dari agensi-agensi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. *Kertas Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan*. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM, 4-5 Jun.
- al-Buti, Muhammad Tawfiq Ramadan. 1998M-1419H. *al-Buyu' al-Shai'ah wa Atharu Dawabit al-Mabi' 'Ala Shar'iyatiha*. Cet. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri. 2009. Strategi dan Prospek Mencergas Semula Sektor Pertanian Negara. Dlm. *Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar, Abd Malik Ismail & Abdul Hamid Jaafar. 1998. *Reformasi Pertanian Malaysia ke arah Wawasan 2020*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Chibli Mallat. 1993. *The Renewal of Islamic Law*. Cambridge: University Press, n. 128
- Jasni Sulong. 2011. *Pembaharuan Indang-undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- al-Khafif, Shaykh 'Ali. t.th. *Ahkam al-Mu'amalat al-Shar'iyah*. Cet. 3. t.tp.: Dar al-Fikr.
- al-Khatib, Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad al-Sharbini. 1996M-1417H. *al-Iqna' fi Halli Alfaz Abi Shuja'*. Cet. 1. Jil. 1. Bayrut Lubnan: Dar al-Khayr
- Muhammad 'Uthman Sabir. 1999M/1419H. *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi Fiqh al-Islami*. Cet. 10. Jordan: Dar al-Nafais.
- Nik Mohd Zain Yusof. 1999. *Pemilikan Tanah di Bawah Perlembagaan Persekutuan dari Segi Dasar dan Perundangan Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richard A. Debs. 1963. *The Law of Property in Egypt: Islamic Law and Civil Code*. Dissertation Ph.D. Princeton University.
- Sulaiman Kadimi. 2006. Pembahagian Harta Orang-Orang yang Telah Mati dan Mempunyai Tanah di bawah Akta Tanah 1960. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta.Kolej Islam Pahang*, 8-9 Ogos.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1968. *al-Madkhal al-Fiqh al-'Am al-Islami fi Thawbi al-Jadid*. Jil. 1. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad. 2008. Isu Pusaka Tanah Rancangan Felda: Kajian Kes Felda Lurah Bilut Bentong Pahang Darul Makmur. *Kertas Kerja Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf*. Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. 18-19 Oktober.
- Zulkifli Mohamad. 2012. Teori Pemilikan Tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960: Satu Tinjauan Dari perspektif Syarak. *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf & Haji (JAWHAR)*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Vol. 6.No. 2: 107.